

Agama jadi teras

Oleh Penulis Khas



B.H 18 SEP 1993

PERDANA Menteri, Datuk (Seri Dr Mahathir Mohamed) pernah membicarakan dasar-dasar dan landasan umum, peringatan serta cabaran penting yang datang, namun mempengaruhi bidang ekonomi dan perdagangan.

Perbicangannya tenang, hujahnya padat dan munasabah. Sudah tentu hal-hal yang dibicarakannya itu sudah difikir dan direnungkannya untuk sekian lama. Justeru itu kita harus menerima dengan penuh tanggungjawab, bukan menjadi Pak Turut. Ini bererti kita harus meneliti dan memperbaiki segala cadangannya dari setiap sudut. Dr Mahathir sendiri menyatakan dengan berani, ikhlas, lagi terus terang bahawa apa yang disampaikan dalam ucapannya itu adalah terbuka kepada kritikan dan harus diperbaiki jika perlu.

Katanya: "Tidak ada formula yang tidak cela. Namun agenda yang paling cela dan paling tidak berguna adalah agenda yang paling sempurna yang tidak dilaksanakan."

Walaupun kandungan ucapannya itu tidak menyentuh secara mendalam soal ideologi dan politik tetapi agak jelas seluruh wawasan itu ditunjangi oleh nilai pragmatis lagi utilitarian. Namun nilai ini tidak terlalu ditonjolkan kerana Dr Mahathir juga menekankan pentingnya nilai moral.

Ini adalah hakikat yang harus kita sedari biarpun 'subconscious' sifatnya. Fahaman ideologi dan politik yang disederhanakan oleh nilai moral dalam ucapan Dr Mahathir itu adalah berteraskan ajaran agama. Hanya ajaran agama sajalah yang mengizinkan beliau memberikan penekanan yang wajar kepada pembangunan ekonomi dan interaksi si-

lang-budaya dengan pelbagai puak yang berbeza fahaman agama, ideologi dan politik. Ini dapat dilihat dalam huraian mengenai cabaran pertama yang harus kita hadapi dalam mengharungi cabaran pada hari muka.

Menurut beliau: "Cabaran yang pertama adalah membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menentukan masa depan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasi wilayah dan kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah 'bangsa Malaysia' dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa itu."

Oleh yang demikian, jika kita berpegang teguh dengan fahaman agama, sesuatu ideologi dan politik yang sebenar, kita tidak harus mengetepikan yang lain kerana kesejahteraan awam dan kesejahteraan ekonomi adalah perlu untuk memastikan kestabilan sosial. Kewujudan kestabilan sosial adalah tuntutan agama yang terpenting.

Komitmen kita yang serius terhadap fahaman agama dan ideologi menunjukkan banyak hasil positifnya khususnya apabila dibandingkan dengan negara maju di dunia sekarang.

Dalam beberapa perkara penting seperti kefahaman dan amalan keagamaan dan akhlak, dalam interaksi kemanusiaan, penggunaan alam sekitar, keadilan ekonomi tanpa mengira kaum dan jantina, secara umumnya pencapaian kita memang jauh lebih maju daripada yang dicapai di Eropah Barat, Jepun atau Amerika Syarikat sendiri. Dengan kata

lain, pencapaian ekonomi yang tinggi tidak menjadikan pencapaian yang sama tingginya dalam perkara-perkara yang disebutkan tadi.

Malah dalam aspek kebebasan, khususnya dalam erti kata yang sebenarnya dari segi Islam, kita jauh lebih maju dari semua negara yang kita anggap maju hari ini.

Kebebasan dalam pengertian Islam yang dimaksudkan ialah kebebasan yang akhirnya merujuk kepada kebebasan daripada nafsu haiwaniah. Di negara-negara maju, kebebasan itu terikat semata-mata kepada peraturan dan undang-undang bukan pada amalan agama, seperti di negara kita.

Sehubungan dengan itu, kenyataan Perdana Menteri bahawa kita ti-

dak akan memberikan kebebasan seperti yang ditakrif dan diamalkan oleh negara Barat adalah tepat dan secocok dengan pemahaman agama dan ideologi kita di Malaysia.

Perdana Menteri sebenarnya sedar betapa sukarnya untuk menegakkan kebenaran dan kebebasan berasaskan agama yang diperlukan sebagai tunjang untuk mencapai pembangunan ekonomi serta kesejahteraan sosial. Malah kita diingatkan oleh Rasul dan Nabi bahawa membicarakan hal-hal dasar berkaitan dengan agama, akhlak, kemanusiaan, dan alam mestilah diberatkan. Hal-hal lebih mudah diselesaikan jika soal-soal asas itu sudah dibereskan.

Pernah seorang ahli falsafah Barat yang cukup terkenal, Bertrand Rus-

Wawasan 2020

sel, menyatakan bahawa 'setinggi manapun pencapaian dan kecemerlangan teknologi manusia, prestasi dan pencapaian ini tidak berupaya menebus kemiskinan moral?' Maksudnya cukup jelas.

Bertambahnya kesejahteraan hidup dan meningkatnya kemajuan ekonomi serta teknologi tidak ada ertinya jika kemajuan agama dan akhlak tidak meningkat. Peneanan yang berlebihan terhadap kemajuan kebendaan itu sering membawa kita lalai atau terus lupa dengan peningkatan bidang agama dan akhlak. Inilah yang ingin kita perhatikan dengan teliti.

Dengan dorongan semangat ini jugalah Dr Mahathir menegaskan bahawa Malaysia akan menjadi negara maju dengan 'acuannya sendiri'. Kombinasi seimbang antara faktor kebendaan dan kerohanian adalah asas acuan itu. Untuk itu Malaysia harus yakin terhadap kekuatan diri, mengenali diri — kekuatan dan kelemahan.

Ibnu Khaldun dalam tulisannya pernah menyatakan bahawa penanaman dan pembinaan satu peradaban yang tinggi memerlukan tiga generasi, yakni lebih daripada setengah abad. Untuk menjadikan Wawasan 2020 suatu kenyataan kita menjangkakan pelaksanaannya boleh dicapai dalam tempoh 30 tahun. Ini adalah suatu rancangan dan sasaran yang kita sendiri tetapkan.

Kita juga sedar bahawa tanpa 'target date' ini kita tidak akan merasakan perlunya bertungkus lumus untuk mencapai apa yang kita tuju. Maka anggaplah angka 2020 dan tempoh 30 tahun itu sebagai ruang kita mesti bergerak dengan kreatif untuk membina peradaban

tinggi yang dimaksudkan oleh Ibnu Khaldun itu.

Dengan itu, tahap pertama ke arah mencapai cita-cita agung ini adalah dengan memenuhi cita-cita untuk menjadi negara maju industri dulu. Dripada situ kita melangkah ke tahap kedua yang bertujuan membina suatu peradaban yang tinggi seperti yang dimaksudkan oleh Ibnu Khaldun.

Pada suatu peringkat yang lain, kita sering diingatkan untuk mencapai kemajuan ekonomi kita mestilah mempunyai suatu sistem sokongan dan infrastruktur yang baik: Jalan raya, telekomunikasi, elektrik, tali air, paip air dan sebagainya.

Di samping itu, kita mestilah mencapai suatu tahap yang tinggi dan canggih dalam bidang sains dan teknologi. Inilah faktor asas memajukan negara maju yang kita kenali sekarang.

Haruskah kita hanya memenuhi keperluan itu dan mengikut contoh berkenaan? Sebenarnya pencapaian kemajuan di atas masih tidak mencukupi. Pencapaian ini harus ditandingi oleh suatu pencapaian infrastruktur rohani dan akli yang setanding.

Ukuran negara maju yang sebenarnya maju bukan sekadar mempunyai GNP per kapita yang tinggi, kualiti hidup yang mewah, atau pendapatan dari hasil bumi yang melimpah-limpah. Rakyat negara maju harus juga mampu menghadapi cabaran dengan kekuatan dalaman. Ini hanya boleh dibina oleh infrastruktur rohani dan akal yang kukuh. Jika infrastruktur rohani dan akal tidak melebihi taraf yang dialami oleh masyarakat maju di Barat sekarang, kita ma-

sih belum maju.

Kekuatan dalaman ini akan hanya lahir daripada suatu sistem pendidikan yang mempunyai falsafah benar, metodologi dan pedagogi yang cekap, dan tidak terbatas oleh konteks pendidikan formal. Nilai baik yang diperoleh daripada pendidikan formal akan luput jika pendidikan informal tidak keuran sifatnya.

Alhamdulillah, kita sudah melancarkan program KBSR dan KBSM yang dapat memenuhi cita-cita yang disebutkan itu.

Dari segi ini, kita harus berbangga kerana sudah bersedia untuk menghadapi cabaran perubahan yang akan dibawa oleh masa depan kita yang dicatur oleh keinginan mencapai Wawasan 2020. Fikiran jauh ini akan membuahkan sesuatu yang akan menguntungkan akhirnya.

Peranan pihak swasta ditekan oleh Perdana Menteri sebagai cukup penting dalam menjayakan cita-cita negara. Malah pihak swasta dianggap sebagai sebahagian dari jentera yang boleh menggerakkan ekonomi kita ke arah kemajuan dengan lebih cepat. Niat asas setiap syarikat swasta adalah untuk mendapat keuntungan maksimum daripada pelaburan yang minimum.

Pihak swasta harus diingatkan bahawa dalam mengejar dan memperoleh keuntungan jangan pula faktor asas lain yang menyumbang ke arah menjayakan usaha mereka ini dilupakan. Sebenarnya pihak swasta banyak meraih manfaat langsung daripada kestabilan sistem akhlak, sosial, dan kestabilan politik hasil persefahaman antara etnik di Malaysia.

Oleh yang demikian, pi-

hak swasta patut melihat pembabitan mereka dalam perkara berkaitan pembinaan akhlak, kesejahteraan sosial dan persefahaman kaum dalam strategi pelaburan masa depan mereka. Misalnya, pembinaan disiplin dan akhlak pekerja akan menghindari berlakunya jenayah kolar putih dan memperkukuh semangat kekitaan di kalangan pekerja.

Apa yang perlu ditekankan di sini ialah, kecenderungan pihak swasta untuk meletakkan aspek pembinaan akhlak di bahu pihak awam, seperti sekolah awam atau jabatan kerajaan tertentu, harus dihentikan.

Sebaliknya pihak swasta harus melihat kesan positif dan keuntungan yang akan mereka peroleh kalau mereka sendiri melaksanakan program pembinaan akhlak dan disiplin di kalangan pekerja masing-masing. Memang tidak dinafikan terdapat beberapa firma yang sudah berusaha melaksanakan program berkenaan.

Namun usaha seperti ini perlu dilakukan oleh semua firma kerana ia suatu usaha yang baik. Pastinya ia akan memabitkan kewangan tetapi ia sebahagian daripada pelaburan. Pulangannya mungkin tidak dapat disaksikan serta merta.

Tetapi pengalaman membuktikan bahawa pelaburan dalam aspek ini tidak merugikan. Dalam hal ini kerajaan negeri sedia memberikan apa saja bantuan yang diperlukan. Mungkin juga beberapa firma sudah mula melaksanakan program seperti ini.

Untuk menjayakan sesuatu idea jangka panjang seperti Wawasan 2020, kita memerlukan usaha yang berterusan.